



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : BINAAN BANGUNAN 2
KOD KURSUS : DID 1193
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:

| |
|------------------------|
| BAHAGIAN A (20 Markah) |
| BAHAGIAN B (50 Markah) |
| BAHAGIAN C (30 Markah) |
2. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu kesemua jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 9 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

O


O

BAHAGIAN A


Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Buku Jawapan.

1. Labelkan setiap elemen di dalam **Rajah 1** dan **Rajah 2** dengan tepat.







Rajah 1



Rajah 2

(8 markah)

2. Lengkapkan jadual berikut dengan tepat.

| Rajah | Nama |
|-------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
|  | i) Kepala tembok |
|  | j) Bumbung |
| k) | Kepala tembok pelana |
|  | l) Bumbung |
|  | m) Kepala tembok |
| n) | Bumbung layang |

(12 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Buku Jawapan.

1. Terangkan tentang kemasan lantai berikut dari segi bahan, pemasangan atau sifatnya.
 - a. Marmor
 - b. Terazo
 - c. Jubin
 - d. Mozek(8 markah)
2. Nyatakan **tiga (3)** ciri lantai.(3 markah)
3. Lakarkan **satu (1)** jenis tanggam yang sesuai untuk pemasangan lantai kayu.(3 markah)
4. Terangkan kaedah pemasangan gelegar lantai pada dinding bata berserta lakaran.(4 markah)
5. Nyatakan **tiga (3)** ciri pembinaan dinding.(3 markah)
6. Namakan **satu (1)** jenis susunan dinding bata berketinggian satu bata dan lakarkan.(3 markah)
7. Nyatakan **satu (1)** perbezaan di antara dinding luar dengan dinding dalam.(2 markah)
8. Lakarkan **dua (2)** penutup dinding yang diperbuat daripada kayu.

(4 markah)

9. Terangkan **dua (2)** kelebihan pemasangan tembok blok simen.

(4 markah)

10. Namakan **tiga (3)** jenis paku penyambung dalam pemasangan kerangka bumbung.

(3 markah)

11. Berikan **tiga (3)** bahan yang digunakan dalam binaan penutup bumbung.

(3 markah)

12. Senaraikan **dua (2)** jenis sistem siling yang digunakan dalam pembinaan bangunan.

(2 markah)

13. Nyatakan **satu (1)** perbezaan di antara sistem siling yang telah disenaraikan di soalan (12).

(2 markah)

14. Sebutkan **dua (2)** komponen kerangka pintu kayu.

(2 markah)

15. Tangga kayu mempunyai ibu tangga. Senaraikan **dua (2)** jenis ibu tangga yang telah dipelajari dan lakarkan.

(4 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Encik Husaini ditugaskan membina sebuah rumah banglo di atas sebidang tanah. Cadangkan sejenis sistem lantai yang harus dibina untuk binaan rumah tersebut.

(2 markah)


- b. Lakarkan rajah lantai di atas dengan melabelkan **tiga (3)** komponen penting.

(4 markah)

- c. Lakarkan rajah lantai selain jenis lantai yang anda pilih di atas dengan melabelkan **tiga (3)** komponen penting.

(4 markah)

SOALAN 2



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan binaan sebuah tembok penahan yang dibina di sebuah kawasan berbukit.

- a. Namakan jenis tembok penahan pada **Rajah 3**.
(2 markah)

- b. Terangkan dengan ringkas **dua (2)** jenis tembok penahan selain yang telah disebut pada 3 (a) berserta lakaran.
(4 markah)

- c. Dalam pembinaan dinding atau tembok, terdapat komponen penting yang dinamakan lubang leleh.
 - i. Terangkan mengenai lubang leleh berserta lakaran.
 - ii. Labelkan lakaran tersebut.
(4 markah)

SOALAN 3

- a. Lakarkan pintu kedap udara berserta label.
(3 markah)
- b. Binaan pintu perlu di buat dengan mematuhi spesifikasi tertentu. Nyatakan **tiga (3)** faktor pembinaan pintu.
(3 markah)
- c. Lakarkan **dua (2)** jenis tingkap yang digunakan dalam pembinaan bangunan.
(4 markah)

SOALAN 4**Rajah 4**

- a. Namakan jenis tangga pada **Rajah 4**.
(2 markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** fungsi pelantar tangga.
(2 markah)
- c. Lakarkan **dua (2)** jenis anak tangga berserta label.
(3 markah)
- d. Hitungkan ukuran jarak jejak bagi sebuah tangga yang mempunyai naik setinggi 160mm. Gunakan formula $2N + J = 600$.
(3 markah)

[30 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**